

# Memali: Mahathir sangkal dakwaan

BM 12 APR 1987

Oleh MAHFAR ALI

ALOR STAR, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyangkal dakwaan kononnya beliau memaksa polis membuat serangan ke atas Ibrahim Libya dan pengikut-pengikutnya di Kampung Memali setahun lalu, hingga menyebabkan 18 nyawa terkorban, termasuk empat anggota polis.

Perdana Menteri berkata: "Ini adalah urusan polis. Dan urusan polis terletak di bawah Menteri Dalam Negeri.

"Malangnya kejadian itu menyebabkan kematian. Tindakan itu diambil sehari sebelum saya berlepas ke Negeri China. Esok saya nak pergi, hari ini buat kerja itu, susahlah saya."

Menteri Dalam Negeri ketika itu ialah Datuk Musa Hitam. Kejadian itu berlaku pada 19 November 1985 dan Perdana Menteri berlepas ke China pada 20 November 1985.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tindakan itu diambil seolah-olah ada orang mahu menghalangnya ke luar negeri dengan menimbulkan pelbagai angkara dalam negeri.

"Sepatutnya bila saya ke luar negeri, bukan saja jangan buat angkara dalam negeri, sebaliknya kita mesti tolong menolong supaya Umno lebih kuat dan tenang," kata Perdana Menteri yang juga Presiden Umno ketika merasmikan konvensyen Umno Kedah di sini.

## Pertumpahan darah

Sebelum ini, ada pemimpin Umno menuduh kononnya Perdana Menteri memberi arahan supaya polis menyerang Kampung Memali hingga menyebabkan berlakunya pertumpahan darah.

Dalam ucapan hampir sejam itu, Presiden Umno turut menyangkal pelbagai tohmahan dan fitnah setengah pemimpin Umno menjelang pemilihan agung parti, 24 April ini.

"Saya terpaksa jelaskan perkara ini kerana jika saya diam, orang kata betul," katanya disambut dengan tepukan dan sorak lebih 1,000 ahli dan pemimpin Umno yang hadir di dewan persidangan Bangunan Tunku di sini.

Perdana Menteri menegaskan, dakwaan kononnya beliau cuba meletakkan anggota keluarganya dalam Umno bagi menubuhkan sebuah dinasti dalam parti adalah bohong dan fitnah.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menafikan kononnya Ketua Pemuda Umno, Encik Anwar Ibrahim, akan dilantik sebagai Perdana Menteri apabila beliau mengundurkan diri.

"Tidak ada dinasti di sini dan Umno bukan hak saya. Saya tidak boleh tentukan siapa nak ganti saya kerana semua ini terpulang kepada Umno dan ditentukan oleh Umno," tegasnya.

Mengenai sokongannya kepada Encik Ghafar Baba, Perdana Menteri mengulangi, sebagai pemimpin yang memegang jawatan Naib Presiden selama 25 tahun, Encik Ghafar memang layak menjadi Timbalan Presiden.

Menurutnya, mengikut perlembagaan, tugas Timbalan Presiden mestilah membantu Presiden.

"Kalau saya dapat Timbalan Presiden yang tidak boleh bekerjasama, sukralah sikit," kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu, beliau kesal kerana ada pihak melemparkan tohmahan kononnya Encik Ghafar tidak layak dan tidak boleh berhujah dengan baik dalam bahasa Inggeris.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, ada juga pihak mendakwa beliau membuat perjanjian perniagaan di Australia.

"Apa bukti saya berniaga di Australia. Orang ini sebenarnya kecewa kerana tidak dapat jadi senator," katanya.

Malah, kata Perdana Menteri, ada pihak yang sanggup melemparkan fitnah konon isterinya merajuk kerana tidak setuju beliau bertanding jawatan Presiden.

"Semua ini bohong dan sengaja dijadikan isu menentang pemilihan parti," tegasnya.